

ATURAN PENDAHULUAN KHAS ANGGOTA KoBPM (PeKA II)

1. Tajuk

Aturan ini dinamakan “Aturan Pendahuluan Khas Anggota KoBPM (PeKA II)” mengikut prinsip Al Bai Bithaman Ajil.

Aturan ini diwujudkan dibawah Undang-Undang Kecil Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Koperasi ini meluluskannya.

2. Tafsiran

Di dalam aturan ini, tafsiran yang dipersetujui adalah seperti berikut:-

“Akta” ini ertinya Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan koperasi 1995 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“Anggota” ertinya mereka yang telah menjadi Anggota koperasi ini dengan membayar syer minimum yang ditetapkan oleh Undang-undang Kecil Koperasi ini;

“Koperasi” atau “Koperasi ini” bermaksud Koperasi BPM Berhad atau KoBPM.

“Anggota Lembaga Koperasi”(ALK) adalah lembaga koperasi yang dilantik mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi ini.

“Jawatankuasa Perkhidmatan Anggota” adalah satu Jawatankuasa yang di Pengerusikan oleh salah seorang ALK yang dilantik melalui Mesyuarat ALK untuk melaksanakan dan menjalankan setiap aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan kepada anggota KoBPM termasuk membuat keputusan permohonan pembiayaan, kebajikan anggota, lawatan sambil belajar, bantuan Pendidikan dan lain-lain.

”Pengerusi Pembiayaan adalah Ketua di dalam Jawatankuasa Pembiayaan PeKA”

3. TUJUAN

PeKA II ini adalah untuk memenuhi permintaan Anggota untuk permohonan pembiayaan sebanyak RM25,001 dan tidak melebihi RM50,000 untuk Anggota yang layak.

Kemudahan pembiayaan ini disediakan adalah sebagai menambah bilangan aktiviti KoBPM didalam menjana pendapatan KoBPM dengan menyediakan perkhidmatan pembiayaan pembelian kenderaan bagi kemudahan Anggota KoBPM.

4. SUMBER KEWANGAN

Sumber Kewangan bagi pembiayaan ini adalah daripada dana yang telah di peruntukkan melalui modal yuran Anggota-anggota dan punca-punca lain yang diharuskan oleh syarak dan ditetapkan oleh Lembaga.

5. PENTADBIRAN DAN PEMANTAUAN

5.1 Jawatankuasa Perkhidmatan Anggota Pembiayaan

Jawatankuasa ini terdiri daripada:-

- Seorang Pengerusi yang dilantik oleh ALK
- Tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa yang dilantik dikalangan Anggota Lembaga KoBPM.

5.2 Aturan PEKA II

5.2.1 Kelayakan

Terbuka kepada semua Anggota yang telah memenuhi syarat seperti berikut :

- i) Genap enam bulan menjadi Anggota
- ii) Baki minima yuran terkumpul adalah tidak kurang daripada RM2,500
- iii) Tiada sebarang pembiayaan dalam tempoh 3 tahun berturut-turut.

5.2.2 Had Pendahuluan

- i) Kadar maksima pendahuluan adalah 80% daripada baki yuran Anggota
- ii) Jumlah minimum pendahuluan adalah sebanyak RM2,000.00
- iii) Berdasarkan 80% dari baki yuran terkumpul ataupun RM50,000 tertakluk kepada mana yang lebih rendah.

5.2.3 Tempoh Pendahuluan

- i) Tempoh pendahuluan adalah tidak melebihi 12 bulan.
- ii) Tempoh pendahuluan boleh diperbaharui selepas tamat tempoh pendahuluan pertama dengan syarat-syarat sama seperti permohonan asal.

- iii) Tempoh maksimum pembaharuan adalah selama 5 tahun atau 5 kali pembaharuan sahaja.
- iv) Sekiranya selepas tamat tempoh notis yang dikeluarkan bagi pembaharuan pihak KoBPM tiada menerima sebarang maklumbalas daripada Anggota maka pembaharuan akan dibuat secara automatik. Pembayaran wang proses akan ditolak daripada yuran Anggota.
- v) Pembaharuan secara automatik ini hanya boleh dilaksanakan untuk tempoh selama 5 kali pembaharuan sahaja. Sekiranya selepas 5 kali pembaharuan, selepas notis ke 5 dihantar kepada anggota maka anggota perlu menjelaskan keseluruhan baki PeKA II secara tunai atau melalui potongan daripada yuran yang sedia ada.

5.2.4 Kadar Keuntungan

Kadar caj keuntungan adalah 3% setahun dibayar semasa pengeluaran wang pendahuluan. Kaedah pengiraan caj keuntungan adalah sepertimana berikut:-

FV = Jumlah Pembiayaan kene jelas pada akhir tempoh

PV = Jumlah Pengeluaran Pembiayaan

N = Tempoh/Bulan

R = Kadar Keuntungan

$$PV = \frac{FV}{1 + (N/12 \times R)}$$

5.2.5 Bayaran Perkhidmatan

Bayaran perkhidmatan yang dikenakan adalah sebanyak RM100.00 untuk setiap kali permohonan atau pembaharuan, dan perlu dibayar secara tunai.

5.2.6 Jaminan

Tiada jaminan diperlukan.

5.2.7 Kuasa Melulus

Kuasa untuk melulus dan menolak permohonan pendahuluan adalah tertakluk kepada kuasa melulus semasa yang telah diberikuasa oleh ALK.

5.2.8 Kaedah Bayaran Balik

5.2.8.1 Bayaran balik adalah secara sekaligus atau secara ansuran bulanan tetapi tidak melebihi 12 bulan bermula daripada tarikh pengeluaran wang pendahuluan kepada Anggota berkenaan

5.2.8.2 Bayaran balik pendahuluan boleh dilaksanakan melalui beberapa cara sepertimana berikut:-

- a. Potongan gaji Agrobank
- b. Arahan Tetap bank
- c. Bayaran Online (IBG)/ *Transfer*
- d. Cek Tunda (*Post Dated Cheque*)
- e. Tunai di kaunter

5.2.9 Kaedah Permohonan

5.2.9.1 Pemohon perlu mengemukakan borang permohonan PEKA II dan menghantarnya terus kepada KoBPM untuk diproses.

5.2.9.2 Kaedah pemrosesan akan dilaksanakan sepertimana dilampiran berkembar.

6. REKOD

Rekod dan surat permohonan serta keputusan Anggota Lembaga KoBPM hendaklah dikemaskinikan dan disimpan oleh Setiausaha KoBPM.

7. AUDIT

Akaun Perniagaan dan yang berkaitan dengan kafeteria ini hendaklah di audit dalam tempoh tertentu oleh Juruaudit Dalaman Koperasi.

8. PERAKAUNAN

Setiap bulan satu laporan lengkap berkaitan dengan kemajuan hasil pendapatan dan perbelanjaan serta apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan Perniagaan Kafeteria hendaklah disediakan oleh pihak Kewangan KoBPM dan akan dibentangkan didalam mesyuarat ALK.

9. MAKLUMAN DALAM MESYUARAT AGUNG

Lembaga hendaklah membentangkan didalam Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi laporan-laporan mengenai aktiviti ini.

Cadangan peruntukan jumlah wang yang akan dikeluarkan sebagai pembiayaan hendaklah dimasukkan didalam anggaran Belanjawan Tahunan Koperasi. Jumlah peruntukan ini bolehlah diberi kelonggaran untuk menjaga kepentingan Anggota-anggota.

10. HAK DAN KUASA

Hendaklah semata-mata dan sentiasa berada didalam kuasa Lembaga, tanpa memberi sebab-sebab untuk memutuskan sesuatu perkara mengenai peraturan ini.

11. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang pertikaian atau perselisihan faham diatas tafsiran peraturan ini atau timbul apa-apa jua perkara mengenai peraturan ini, maka pertikaian ini hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengikut Undang-Undang Kecil 81 Koperasi ini.

Aturan ini hendaklah dibaca bersama dengan Undang-Undang Kecil koperasi ini. Adalah disahkan bahawa Aturan PeKA II bagi Koperasi KoBPM Berhad berkuatkuasa setelah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi ini pada 27hb Oktober 2018.

() () ()
Pengerusi Ahli Lembaga Ahli Lembaga